



## Barang keperluan asas di Sri Aman dan Betong cukup semasa Ramadan dan PKP

Annuar Kapok -May 8, 2020

**SRI AMAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sri Aman memberi jaminan bekalan keperluan asas seperti gula , tepung,beras,minyak masak,gas petroleum cecair (LPG),petrol dan diesel adalah mencukupi sepanjang Ramadan dan PKP sekarang ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah KPDNHEP Sri Aman,Pelani anak Kemiti berkata, bekalan barang untuk Sri Aman dan bahagian Betong sepanjang bulan Ramadan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah dijamin cukup.

"Hasil pemantauan ke atas pemborong-pemborong utama termasuk pemborong gas petroleum cecair (LPG) di bahagian Sri Aman semalam KPDNHEP mendapati tiada masalah bekalan berlaku.

"Ini kerana langkah proaktif KPDNHEP memberi kelonggaran membenarkan pemberong untuk menyimpan bekalan di stor mereka melebihi stok 2 bulan daripada biasa ataupun sebelum PKP," ujarnya.

Tambahnya lagi, orang ramai di minta untuk membeli secara berhemah dan tidak melakukan pembelian panik kerana bekalan sentiasa mencukupi. Selain itu katanya orang ramai diminta patuh saranan kementerian kesihatan supaya jarak 1 meter sentiasa diamalkan semasa membeli belah bagi mengelakkan penularan penyakit covid-19.

"Hasil pemantauan setiap hari ke atas semua kedai peruncit daerah (DDR) yang terpilih mendapati tidak berlaku 'stok out' yang berpanjangan dan bekalan tersebut akan pulih keesokan harinya apabila stok baru sampai.

"Orang ramai boleh menyalurkan aduan ke laman web EZ ADU KPDNHEP di laman facebook rasmi KPDNHEP Sri Aman ataupun boleh membuat panggilan terus ke nombor bilik gerakkan iaitu 083- 323836 jika hendak membuat aduan mengenai salah laku," katanya.



<https://sarawakvoice.com/2020/05/08/barang-keperluan-asas-di-sri-aman-dan-betong-cukup-semasa-ramadan-dan-pkp/>